

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**  
(*FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION*)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(*MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA*)  
ARAS 3, BLOK E7, PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 603 - 8883 3888  
Faks: 603 - 8889 3815/3341  
Kawat: MINHEALTH, KUALA LUMPUR

<http://fsq.moh.gov.my>  
E-mail: [fsq-division@moh.gov.my](mailto:fsq-division@moh.gov.my)

Ruj Kami: (3) KKM-163/L/7-4

Tarikh: 10 Ogos 2011

CONSOLIDATED LABORATORY (M) SDN. BHD.  
(No. SAMM: 007)

No.2-3, Bedford Business Park,  
Jalan 3/137B, Batu 5,  
Jalan Kelang Lama  
58000 Kuala Lumpur

Tuan,

**PERLANJUTAN BAGI PENGIKTIRAFAN MAKMAL SWASTA OLEH  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TUJUAN ANALISIS  
MAKANAN UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Terlebih dahulu Bahagian ini merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada makmal tuan kerana berjaya mengekalkan akreditasi ISO/IEC 17025 yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM).

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili **Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju melanjutkan pengiktirafan** kepada makmal tuan bagi tujuan analisis makanan untuk pengeluaran Sijil Kesihatan berkuatkuasa serta-merta bagi **tempoh sehingga 18 Jun 2014** seperti mana tercatat di dalam Sijil Akreditasi SAMM yang diperolehi dari Jabatan Standard Malaysia. Sebarang penarikan balik akreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.

4. Pihak KKM akan menjalankan pemeriksaan ke atas makmal tuan pada bila-bila masa yang diperlukan. KKM juga berhak menarik balik pengiktirafan ini sekiranya tidak berpuas hati dengan prestasi makmal. Adalah diingatkan pihak tuan perlu memohon untuk pembaharuan

pengiktirafan dengan mengemukakan bersama salinan sijil akreditasi SAMM yang terbaru. Selain itu, sekiranya terdapat pertambahan skop akreditasi, pihak tuan juga perlu memaklukkannya kepada Bahagian ini dengan mengemukakan salinan sijil akreditasi SAMM.


5. Bahagian ini berharap agar pihak tuan sentiasa memastikan tahap kecekapan makmal yang tinggi bagi mengeluarkan keputusan analisis yang boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

6. Segala pertanyaan lanjut sila hubungi pegawai kami, Norasilah binti Md Kassim ditalian 03-8889 0797 (sambungan 4023)/ emel: norasilah.mk@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(SHAMSINAR BINTI ABDUL TALIB)**

Pengarah Perancangan, Pembangunan Dasar dan Standard Codex  
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia